



KRISTINA/BERNAMA

# Flora unik menghiasi Bukit Padang Tujuh

Oleh Mohd Rafi Mamat  
www.berita-harian.com.my  
**P**ENDEDAHAN dengan mengedahkan laluan amali di kawasan Bukit Padang Tujuh, Taman Negeri Endau-Rompin, Pahang membenarkan pengaliran bergema kepada 300 penuntut fakulti perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM).  
Berada di ketinggian kira-kira 400

meter dari aras laut membolehkan mereka melihat pokok-pokok spekul tumbuhan yang tidak terdapat di kawasan rendah dan hutan semula jadi negara ini.  
Pernah Pegawai Sains UPM, Latifah Zainal Abidin, berkata penuntut fakulti perhutanan UPM itu pertama kali dibawa melakukan latihan amali di Bukit Padang Tujuh.  
"Sepanjang perjalanan penuntut dapat merasa suasana

di tiga peringkat pendakian iaitu permulaan, pertengahan dan kemuncak. Selain bertukar muka bumi, tumbuhan dan iklim juga berbeza.  
"Ketika berada di puncak Bukit Padang Tujuh, penuntut melakukan latihan amali membabitkan kajian terhadap tumbuhan, tanah, udara, angin, batu, kelembapan dan suhu," katanya.  
Penuntut dari pengaliran yang terbabit dalam program berkenaan perlu berjalan kaki lebih empat jam

pergi dan balik dengan memanggih sebagai halangan seperti pokok bambusa, tanah runtuh dan laluan dipukul untuk sampai ke puncak Bukit Padang Tujuh.  
Bagaimanapun, bantuan Naibanggota Jabatan Perhutanan Negeri Pahang yang mahir di kawasan berkenaan melancarkan lagi kerja membaiki laluan dalam kalangan penuntut Tahun Dua itu.  
"Laluan berliku, jadi kajian dijalankan akan memanggih untuk memastikan laluan itu selamat sebagai kerja kerja memanggih peneroka hutan."  
Penetra, Che Nazrin Che Soh



Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) membuat kajian terhadap pokok cina maki di Bukit Padang Tujuh, Taman Negeri Endau.



Mengukur pokok yang terdapat di Bukit Padang Tujuh, Taman Negeri Endau Rompin.



UPM membuat kajian.



Latifah berkongsi ilmu dengan pelajar fakulti perhutanan UPM.

berkata, walaupun penat mendaki bukit berkenaan, perasaan puas dirasai apabila dapat melihat keunikan pokok Bukit Padang Tujuh.  
"Beliau berkata, sepanjang berada di puncak bukit berkenaan mereka yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan melakukan pelbagai aktiviti seperti membuat petak kajian dengan keluasan 20x20 meter.  
"Dalam petak berkenaan kami akan mengkaji spesies dan saiz pokok, jenis tanah, cuaca, suhu dan arah angin bagi tujuan penilaian selain sebagai rujukan dan kertas kerja diperkasa.  
"Selain herba seperti tongkat ali dan serang semut, spesies pokok cina maki dan elor tupai menjadi tumbuhan semula jadi yang subur dan menarik," katanya yang sebelum ini mendaki Gunung Gerai.  
"Beliau berkata, Bukit Padang Tujuh sesuai dijadikan produk pelancongan kerana pokok cina maki di kawasan dianggap unik kerana bersaiz kecil

seperti hiasan bonsai.  
Bagi Rabihul Adawiyah Jami, peluang menyertai aktiviti luar seperti ini begitu menyeronokkan walaupun penat apabila terpaksa mendaki bukit selain perlu memanggih laluan.  
"Saya berharap hati dapat sampai ke puncak Bukit Padang Tujuh yang memiliki pelbagai keunikan terutama taburan pokok cina maki yang tidak terdapat di tempat lain.  
"Sepanjang laluan mendaki juga kami berpeluang melihat kawasan tumbuhan pokok yang menarik dan tidak terdapat di tempat lain," katanya yang berasal dari Pasak.  
Rakananya, Dayang Nur Sokimah Musa, berkata pengalaman mendaki Bukit Padang Tujuh itu menjadi kenangan menarik yang menambah pengetahuan sambil melancong.  
"Saya yakin tempat ini sesuai dijadikan produk pelancongan dengan taburan pelbagai spesies pokok herba, renek dan balak yang

boleh didapati di sepanjang laluan ke puncak bukit selain kawasan hutan semula jadi," katanya yang berasal dari Sabah.  
**Sepanjang perjalanan penuntut dapat merasa suasana di tiga peringkat pendakian iaitu permulaan, pertengahan dan kemuncak. Selain bentuk muka bumi, tumbuhan dan iklim juga berbeza**  
Latifah Zainal Abidin  
Pegawai Sains UPM